

## **Structural Element Approach in Model Development of Federal Land Development Authority (FELDA)**

**Hairol Anuar Hj Mak Din<sup>1\*</sup>, Nor Azlili Hassan<sup>2</sup>, Mansor Mohd Noor<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Faculty of Creative Industry, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia

<sup>3</sup>Institute for Ethnic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2019.01.01.005>

Received January 2019; Accepted April 2019; Available online June 2019

**Abstract:** The socio-economic development planning of a country depends largely on the land owned assets. The ability to optimize the land management is effectively able to benefit various parties and the country as well. Malaysia is an example of a successful country in dynamically managing the land usage through the establishment of the Federal Land Development Authority (FELDA). During the research period, FELDA was found to have been transformed as one of the strategic statutory bodies in which the institution is not only able to generate its own income, but also to organize the structured programs to successfully develop the human capital. This article is a sub topic from a study on Felda by focusing on the role of structural factor which aims to analyse the level of satisfaction with the basic facilities in FELDA Land Plans and the level of satisfaction with social development. The methodology employed in this study is purposive sampling methods and multi-stages which comprising of the FELDA settlers from two states namely, Pahang and Johor. A total of 1,501 respondents were involved in this quantitative study. This study discusses dimensions of the level of satisfaction on the basic facilities in FELDA Land Plans and level of satisfaction on the social development. The findings indicated that the level of satisfactions for the basic facilities and social development are 90% and 80%.

**Keywords:** Structural Factor, Basic facility, Social development, Felda

# Pendekatan Elemen Struktural dalam Model Pembangunan di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Hairol Anuar Hj Mak Din<sup>1</sup>, Nor Azlili Hassan<sup>2</sup>, Mansor Mohd Noor<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia

<sup>3</sup>Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.30880/jstard.2019.01.01.005>

Received January 2019; Accepted April 2019; Available online June 2019

**Abstrak:** Perancangan pembangunan sosio-ekonomi sebuah negara banyak bergantung dengan aset tanah yang dimiliki. Keupayaan dalam mengoptimalkan pengurusan tanah dengan efektif berupaya memberi manfaat kepada pelbagai pihak dan sekaligus menguntungkan negara. Malaysia adalah contoh negara yang berjaya dalam mentadbir penggunaan tanah secara dinamik melalui penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Dalam tempoh kajian, FELDA didapati telah bertransformasi sebagai salah sebuah entiti badan berkanun yang strategik di mana institusi ini bukan sahaja berupaya untuk menjana pendapatan sendiri malahan melalui penyusunan program yang berstruktur berjaya membangunkan modal insan. Artikel ini adalah sub topik daripada kajian tentang Felda dengan memfokuskan bahagian Peranan Faktor Struktural yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepuasan terhadap kemudahan asas di Tanah Rancangan FELDA dan tahap kepuasan terhadap pembangunan sosial. Metodologi kajian yang dipraktikkan ini adalah dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan *multi-stages* yang terdiri daripada peneroka FELDA dari dua buah negeri iaitu Pahang dan Johor. Seramai 1,501 orang responden terlibat dalam kajian kuantitatif ini. Makalah ini menjurus kepada perbincangan tentang dimensi terhadap Tahap Kepuasan Kemudahan Asas di Tanah Rancangan FELDA dan Tahap kepuasan terhadap Pembangunan Sosial. Penemuan kajian telah mendapati bahawa tahap kepuasan terhadap kemudahan asas dan pembangunan sosial adalah sebanyak 90% dan 80%.

**Kata kunci:** Faktor Struktural, kemudahan asas, pembangunan sosial, Felda

## 1. Pengenalan

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Undang-Undang Kemajuan Tanah (Land Development Ordinance 1956). Peranan FELDA yang diperuntukkan di bawah Akta (Pindaan 1991) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Undang-Undang Kemajuan Tanah (Land Development Ordinance 1956). Fungsi FELDA yang diperuntukkan di bawah Akta (Pindaan 1991) adalah seperti berikut; 1) menjalankan dan melaksanakan projek pembangunan tanah, 2) memajukan, memudahkan dan melaksanakan pembangunan, pengurusan dan

32\*Corresponding author: [hairulanuar@kuis.edu.my](mailto:hairulanuar@kuis.edu.my)

2019 UTHM Publishers. All rights reserved.  
[publisher.uthm.edu.my/jstard](https://publisher.uthm.edu.my/jstard)

perkhidmatan ekonomi, sosial, pertanian, penempatan, perindustrian dan komersial serta aktiviti sampingan yang lain di kawasan di mana FELDA diberi kuasa melaksanakan projek pembangunan tanah atau di kawasan yang dimiliki oleh FELDA dan syarikatnya, 3) melaksanakan kegiatan yang dapat membantu memodenkan sektor pertanian di kawasan di mana FELDA diberi kuasa mentadbirnya terutama dalam kegiatan yang berkaitan dengan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil keluaran pertanian dan ternakan, dan 4) membantu, membimbing, menasihati, mengurus dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan sosial, penempatan, pertanian, industri dan komersial dalam kawasan FELDA.

Peranan FELDA dalam membangunkan ekonomi masyarakat FELDA merupakan satu contoh yang terbaik. Selepas berakhirnya darurat pada tahun 1960, kerajaan telah melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar melalui Buku Merah yang diterajui Allayarham Tun Abdul Razak Datuk Hussein. Ketika itu Allayarham merupakan Menteri Pembangunan Luar Bandar telah memberi tugas dan peranan yang lebih aktif kepada FELDA untuk membantu penduduk miskin. Bermula dari detik inilah FELDA membangunkan tanah secara besar-besaran dan menempatkan penduduk di kawasan baru. Tujuan kerajaan membangunkan tanah mengikut peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ialah supaya pulangan ekonomi dinikmati oleh peneroka melalui perkhidmatan yang disediakan oleh FELDA. Dengan demikian akan lebih terjamin faedah-faedah yang diperolehi oleh penduduk-penduduk atau pemilik-pemilik tanah di kawasan tersebut. Sistem pentadbiran, khidmat pertanian, infrastruktur, kemudahan awam dan institusi-institusi sosial yang disediakan oleh FELDA dapat meningkatkan kualiti hidup peneroka.

Di Malaysia, FELDA ditubuhkan bagi memajukan tanah untuk dijadikan kawasan pertanian yang produktif dan memaksimumkan hasil yang bermutu di samping membangunkan penempatan penduduk yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan sosial yang lain. Peneroka diberikan tanah seluas sepuluh ekar atau 4.1 hektar untuk ditanam dengan tanamam komoditi dan suku ekar tanah disediakan untuk tapak kediaman. Kesan secara langsungnya ialah para peserta berpeluang memperbaiki taraf ekonomi keluarga mereka melalui aktiviti tanaman walaupun kadang kala pendapatan mereka terjejas akibat kejatuhan harga di pasaran. Walaupun mereka telah diberikan dengan segala kemudahan belum tentu mereka dapat merubah kehidupan mereka menjadi lebih baik. Pendapatan yang tidak tetap pada ketika itu memberi kesan kepada kehidupan mereka. Masalah yang dihadapi ini adakah telah berubah terhadap generasi kedua FELDA atau pun mereka masih tetap sama sebagaimana keadaan kedua ibu bapa mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepuasan terhadap kemudahan asas di Tanah Rancangan FELDA dan tahap kepuasan terhadap pembangunan sosial. Analisis kajian ini menggunakan data sebanyak 1501 orang responden yang terdiri daripada peneroka FELDA meliputi generasi pertama, kedua dan ketiga yang telah dikutip pada tahun 2015 di dua buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Pahang dan Johor.

## **2. Perancangan Pembangunan di Malaysia**

Sejarah merakamkan bahawa matlamat utama penjajahan di rantau ini adalah bertujuan untuk mengaut kekayaan, walau bagaimanapun penjajah Inggeris di Tanah Melayu telah membawa satu dimensi baharu di mana penjajah bukan sahaja mengeksplotasi ekonomi tetapi turut meninggalkan corak pentadbiran bagi merancang pembangunan Negara pasca penjajahan. Proses peralihan kuasa pemerintahan dari penjajahan Inggeris kepada pemerintahan tempatan bukan berunsurkan pentadbiran politik semata, tetapi merangkumi pembangunan sosio-ekonomi sekali. Hal ini berdasarkan daptan bahawa pembangunan Persekutuan Tanah Melayu tercorak oleh kerangka pembangunan negara yang sistematik melalui Rancangan Pembangunan Malaya Pertama (RM1) pada tahun 1956-1960.

Dalam RM1 ini, Dasar kerajaan memfokuskan kepada rancangan pembangunan yang menjurus kepada pembangunan luar bandar. Objektif pembangunan luar bandar yang tercatat dalam RM1 ini adalah meliputi kepada hasrat bagi meninggikan taraf hidup masyarakat luar bandar, menyedia serta membaiki kemudahan asas, mempelbagaikan keluaran pertanian dan mengurangkan perbezaan ekonomi di antara masyarakat (Hairol Anuar 2010). Justeru, bagi merealisasikan objektif ini, maka kerajaan telah menujuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Penubuhan FELDA bertujuan agar aspirasi terhadap pelaksanaan RM1 yang menumpukan kepada sektor ekonomi utama melalui penanaman semula getah, pembukaan kawasan tanah

baru untuk pertanian, mempelbagaikan keluaran pertanian serta penggalakkan pembangunan perusahaan dan pembentukan dasar penggunaan tanah yang sesuai dapat direalisasikan.

Fokus kewujudan FELDA adalah untuk merangka, menjana dan melaksanakan rancangan pembangunan tanah melalui dwi projek iaitu; 1) penanaman kelapa sawit dan getah di kawasan luar bandar dan 2) bertanggungjawab dalam memainkan peranan yang proaktif khususnya dalam pelbagai program pembasmian kemiskinan sebagaimana yang digariskan dalam Dasar serta hala tuju kerajaan. Sehubungan itu, agensi ini telah merekodkan kejayaan yang membanggakan khususnya dalam menggalakkan penglibatan masyarakat dalam pelbagai jenis aktiviti pertanian, perindustrian dan pengkomersilan produk-produk tempatan.

Seawal penubuhan FELDA, agensi ini dengan bantuan kerajaan-kerajaan negeri telah melaksanakan polisi pengambilan peneroka-peneroka baru untuk membuka kawasan penanaman baharu, namun program sebegini telah dihentikan pada tahun 1990. Pada masa ini FELDA telah mempunyai struktur yang kukuh dan mampu menjana sumber pendapatan sendiri melalui peranannya dalam pelbagai cabang perniagaan. Oleh hal demikian, bermula tahun 1994 pihak kerajaan telah bertindak dengan tidak lagi menyalurkan peruntukan kewangan kepada FELDA dan ini bermakna FELDA perlulah berdikari.

FELDA pada masa sekarang telah berevolusi sebagai salah sebuah entiti badan berkanun yang berupaya untuk menjana pendapatan sendiri. Transformasi FELDA kini adalah untuk merealisasikan hasrat bagi menjadikan FELDA sebagai ‘Economic Powerhouse’ dalam menjana pelbagai aktiviti ekonomi khususnya melalui penyusunan program yang berstruktur serta mengembelng secara optima modal insan yang sedia wujud. Dengan bersumberkan kewangan yang kukuh, FELDA juga telah mengembangkan potensi warganya melalui galakan program pembangunan usahawan.

### **3. Faktor Struktural Dalam Model Pembangunan FELDA**

Penemuan kualitatif melalui kaedah tinjauan kepustakaan mendapati bahawa perkembangan mobiliti sosial adalah berdasarkan tiga faktor teras iaitu;

- 1) Modal Manusia
- 2) Modal Sosial
- 3) Faktor Struktural.

Modal manusia adalah merujuk secara ekonominya kepada sumber personal yang penting dan menonjol seperti kemahiran, pengetahuan khusus dalam bidang pekerjaan, pendidikan umum dan sebagainya. Konsep pembangunan modal manusia adalah sebahagian daripada konsep pembangunan manusia (Nor Hayati, 2010). Pembangunan manusia yang dipelopori oleh Mahbub ul Haq (1995) ialah pembangunan yang berpusatkan manusia, di mana manusia menjadi ejen pembangunan dan sekaligus manusia itu sendiri sebagai matlamat akhir kepada pembangunan.

Manakala, modal sosial merupakan tema yang luas serta merangkumi norma dan jaringan dalam memudahkan tindakan bersama untuk faedah bersama. Ia merujuk kepada sifat atau ciri-ciri organisasi sosial seperti kepercayaan, aturan-aturan atau norma dan jaringan yang membantu meningkatkan kecekapan masyarakat dengan memudahkan penyelesaian dan tindakan-tindakan untuk faedah bersama. Menurut Putnam (1993), modal sosial adalah sebagai satu set ‘*horizontal associations*’ antara komuniti masyarakat yang melibatkan jaringan pembabitan sosial dan hubungannya dengan norma yang mana ia memberi kesan ke atas penghasilan komuniti. Modal sosial adalah juga merupakan suatu jaringan kerja dan norma hubungan timbal balik yang memiliki nilai (Siisiainen, 2000) dan membentuk sebagai institusi, hubungan-hubungan dan norma yang membentuk kualiti dan kuantiti interaksi sosial dalam masyarakat. Manakala menurut Fukuyama (2002), modal sosial adalah serangkaian nilai-nilai atau norma-norma informal yang dimiliki bersama di antara para anggota sesuatu kelompok masyarakat yang memungkinkan terjalannya kerjasama di antara mereka. Ini bersamaan dengan pendapat yang mengatakan bahawa modal sosial adalah kemampuan sesebuah masyarakat untuk bekerja sama dengan mencapai tujuan bersama di dalam pelbagai kelompok dan organisasi (Coleman,

1988). Dengan ini, boleh dikatakan bahawa modal sosial adalah serangkaian nilai-nilai atau norma-norma informal seperti rasa saling percaya, saling memahami, adanya jaringan dan hubungan sosial serta kesamaan nilai dan tingkah laku yang dimiliki bersama di antara setiap anggota sesebuah kelompok masyarakat yang memungkinkan terjalinnya kerjasama di antara mereka dan akhirnya mencapai tujuan bersama.

Di dalam artikel ini penekanan diberikan kepada faktor struktural, di mana faktor ini merujuk kepada analisis struktur makro yang bersandarkan kepada persekitaran sosio-ekonomi dan politik pentadbiran negeri yang melingkungi sesebuah komuniti. Menurut Giddens (1984), teori struktural adalah satu percubaan untuk menyelaraskan diktomi atau pembahagian teori sosial seperti agensi atau struktur, subjektif atau objektif dan perspektif mikro atau makro. Melalui pendekatan ini agensi adalah tindakan manusia dan struktur itu ialah peraturan dan sumber. Peraturan adalah bentuk yang diikuti oleh manusia dalam kehidupan sosial.

Oleh hal demikian, penulisan ini merupakan sub topik daripada kajian tentang Felda dengan memfokuskan bahagian Peranan Faktor Struktural yang ada di Felda. Perbincangan akan menjurus kepada dua dimensi iaitu; Tahap kepuasan terhadap kemudahan asas yang disediakan di Tanah Rancangan FELDA dan Tahap kepuasan terhadap Pembangunan Sosial.

Signifikansi terhadap faktor struktural dalam kajian Mentransformasikan Negara: Model Pembangunan FELDA (Kes Generasi Peneroka) adalah bertujuan untuk menilai tahap kepuasan responden yang berkesinambungan dengan faktor struktural sosial yang menjadikan tindakan sosial yang munasabah, dan pada masa yang sama tindakan sosial menjadikannya sangat berstruktur dan teratur.

Merujuk kepada asal penubuhan FELDA yang bersandarkan kepada visi dan objektif penubuhan semata tidak akan berjaya seandainya tidak didokongi oleh faktor-faktor lain juga. Justeru dalam aspirasi untuk mentransformasikan negara melalui model FELDA dilihat melalui ketiga-tiga faktor di atas yang menjadi penyumbang kepada mobiliti sosial FELDA secara keseluruhan.

#### **4. Objektif Kajian**

- 1) Untuk mengenalpasti tahap kepuasan peneroka FELDA terhadap kemudahan asas di Tanah Rancangan FELDA;
- 2) Untuk mengenalpasti tahap kepuasan peneroka FELDA terhadap pembangunan sosial.

#### **5. Metodologi Kajian**

Masyarakat FELDA atau peneroka merujuk kepada mereka yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan di dalam sesebuah kawasan tanah rancangan sebagai tuan yang mendapat hak milik yang perlu diusahakan. Pentakrifan peneroka adalah merangkumi isteri dan anak-anak sekiranya peneroka asal sudah tiada. Kajian ini telah menggunakan satu set data soal selidik yang dikutip melalui kerja lapangan pada tahun 2015 ke atas sejumlah 1,501 peneroka FELDA di Malaysia.

Kajian ini hanya memilih dua buah negeri iaitu Pahang (53 peratus) dan Johor (47 peratus). Negeri Pahang diwakili oleh wilayah Jengka (31.9 peratus) dan Kuantan (21.2 peratus) manakala negeri Johor adalah diwakili oleh wilayah Johor Bahru (32.2 peratus) dan Segamat (14.5 peratus). Tanah rancangan FELDA bagi negeri Pahang adalah Bukit Goh (7.2 peratus), Lepar Hilir 2 (9.1 peratus), Panching Timur (9.4 peratus), Jengka 2 (7.5 peratus), Jengka 15 (9.7 peratus) dan Jengka 19 (10.3 peratus). Manakala negeri Johor pula terdiri daripada FELDA Lok Heng Barat (8.9 peratus), Aping Timur (11.3 peratus), Pasak (6.3 peratus), Ulu Pengeli (5.4 peratus), Bukit Tongkat (5.4 peratus) dan Ulu Belitong (9.5 peratus).

Komponen borang soal selidik terdiri daripada lapan bahagian; iaitu Bahagian A sehingga H. Soalan merangkumi Profil, Indeks Mobiliti Sosial, Indeks Modal Sosial, Modal Manusia dan Budaya, Peranan Faktor Struktural, Pemilikan Aset, Umum dan Generasi Kedua. Kesemua borang soal selidik memerlukan persetujuan dari responden menggunakan skala Likert. Fokus perbincangan kertas kerja ini adalah hasil penemuan kajian di dalam Bahagian E: Peranan Faktor Struktural, di mana terdapat tujuh soalan iaitu berkisar tentang

kemudahan asas, pembangunan masyarakat, program FELDA, Usahawan IKS, IKS bagi tujuan pasaran eksport, hasrat untuk eksport produk, dan cabaran untuk menjadi usahawan yang berjaya.

Walau bagaimanapun di dalam kertas kerja ini, skop perbincangan dilimitasikan kepada dimensi Tahap kepuasan terhadap kemudahan asas yang disediakan di Tanah Rancangan FELDA dan Tahap kepuasan terhadap Pembangunan Sosial. Perincian terhadap terhadap kemudahan asas adalah lebih direct kepada persoalan puas hati atau sebaliknya sahaja tanpa ada pecahan item yang lebih terperinci, manakala pembangunan sosial pula adalah meliputi terhadap Program keagamaan dan kerohanian, Program kecemerlangan pendidikan serta sekolah, Program pembangunan wanita dan Program pembangunan belia.

## **6. Dapatan dan Perbincangan Kajian**

### **6.1 Demografik dan Profil Responden**

Profil kesemua 1501 responden ditunjukkan di dalam Jadual 1. Taburan responden mengikut jantina menunjukkan bahawa wanita lebih ramai daripada lelaki iaitu sebanyak 55.9%. Secara puratanya, taburan golongan umur terbesar adalah 44.4% iaitu kalangan responden berumur dalam lingkungan 61 hingga 70 tahun, 36.6% berumur dalam lingkungan 51 hingga 60 tahun dan 10.8% berumur dalam lingkungan 71 tahun dan ke atas. Sementara 1.7% responden adalah berumur dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun dan 1.1% responden berumur 30 tahun dan ke bawah. Responden yang dikaji adalah datang dari kebanyakan negeri di Malaysia dan negeri terbesar yang menyumbang responden dalam kajian ini adalah negeri Johor (45%) dan Pahang (17%). Kebanyakan responden memasuki tanah rancangan FELDA dalam tahun 1977 hingga 1986 iaitu sebanyak 51% dan tahun 1967 hingga 1976 sebanyak 31%. Namun begitu, tahun kemasukan FELDA adalah bermula dengan tahun 1957 hingga ke tahun 2007 dan ke atas. Sebanyak 80.3% responden sudah berkahwin dan kadar perceraian pula sebanyak 13%, manakala kumpulan balu atau duda dan bujang adalah sebanyak 6% dan 1%. Seramai 68.6% responden sudah memiliki geran tanah FELDA. Responden dalam kalangan etnik Melayu mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 99.7% diikuti oleh etnik Cina (0.2%) dan etnik India (0.1%).

**Jadual 1 - Profil responden**

<b>Item</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>	
Lelaki	44.1
Perempuan	55.9
<b>Umur</b>	
30 tahun dan ke bawah	1.1
31 – 40 tahun	1.7
41 – 50 tahun	5.4
51 – 60 tahun	36.6
61 – 70 tahun	44.4
71 tahun dan ke atas	10.8
<b>Negeri kelahiran</b>	
Perlis	0.9
Kedah	5.7
Pulau Pinang	4.8
Perak	7.6
Selangor	5.3
Melaka	2.7
Negeri Sembilan	1.3
Pahang	16.7
Terengganu	4.5
Kelantan	4.8
Johor	45.3

Sabah	0.5
WP. Kuala Lumpur	0.1
WP. Putrajaya	0.1
<hr/>	
Tahun Masuk FELDA	
1957 – 1966	1.0
1967 – 1976	31.2
1977 – 1986	51.4
1987 – 1996	15.8
1997 – 2006	0.4
2007 hingga sekarang	0.1
<hr/>	
Taraf Perkahwinan	
Bujang	0.9
Berkahwin	80.3
Balu/Duda	6.1
Bercerai	12.7
<hr/>	
Kumpulan Etnik	
Melayu	99.7
Cina	0.2
India	0.1
<hr/>	
Tahap Pemilikan Geran Tanah FELDA	
Sudah dapat geran	68.6
Belum dapat geran	31.4

## 6.2 Tahap Kepuasan Kemudahan Asas Di Tanah Rancangan FELDA

Dapatan kajian berdasarkan Jadual 2 telah mendapati bahawa responden yang dikaji secara majoritinya sebanyak 90 peratus menunjukkan kepuasan yang baik tentang kemudahan asas yang disediakan di tanah rancangan FELDA. Kepuasan ini adalah berkesinambungan dengan perancangan Pembangunan rancangan FELDA yang telah dilengkapi dengan kemudahan asas yang meliputi jalan-jalan raya yang menjadi penghubung, bekalan elektrik, bekalan air terawat dan kemudahan-kemudahan awam lain.

**Jadual 2- Tahap Kepuasan Kemudahan Asas Di Tanah Rancangan FELDA.**

Tahap Kepuasan	Peratusan
Ya	89.9
Tidak	10.1
Jumlah	100

Sebahagian besar pembangunan yang sistematik ini melibatkan pembiayaan Agensi Kerajaan Pusat seperti Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan sebagainya. Kemudahan asas seperti jalan masuk, jalan perkampungan, bekalan air dan bekalan elektrik di kawasan terpencil atau pendalaman sentiasa di atasi serta diperbaiki dari masa ke semasa. Ini selaras dengan ciri-ciri sesebuah organisasi sosial dalam menyediakan jaringan yang boleh membantu kecekapan masyarakat dengan memberikan kemudahan dan tindakan untuk faedah bersama lantas memebri eksan kepada penghasilan sesebuah komuniti (Putnam, 1993). Jaringan dan hubungan timbal-balik antara organisasi sosial dan masyarakat akan membentuk kualiti dan kuantiti interaksi sosial dalam komuniti tersebut (Siisiainen, 2000) dan memungkinkan terjalannya kerjasama antara mereka (Fukuyama, 2002).

Faktor struktural telah membantu ke atas penyediaan terhadap kemudahan asas di tanah rancangan Felda oleh kerajaan persekutuan dan pembangunan prasarana ini adalah tidak terhad melalui peruntukan FELDA yang sememangnya terhad berjumlah RM48 juta setahun, walhal Tanah Rancangan Felda adalah sangat luas dan menyeluruh di seluruh negara.


### 6.3 Tahap Kepuasan Program Pembangunan Masyarakat

Jadual 3 menunjukkan peratusan responden mengenai tahap kepuasan terhadap program pembangunan masyarakat. Daripada 1,501 responden, penemuan kajian mendapati rata-rata taburan yang dikaji menunjukkan kepuasan yang baik terhadap pembangunan sosial di tanah rancangan FELDA.

**Jadual 3 - Tahap Kepuasan Program Pembangunan Masyarakat**

Pembangunan sosial	T/puas hati	Sederhana	Puas hati
Program keagamaan dan kerohanian	1.5	15.7	82.8
Program kecemerlangan pendidikan dan sekolah	1.0	16.5	82.5
Program pembangunan wanita	1.8	18.9	79.4
Program pembangunan belia	12.1	26.3	61.6

Analisis dapatkan kajian mendapati item yang paling tinggi peratusan adalah bagi program keagamaan dan kerohanian iaitu sebanyak 83 peratus, diikuti peratusan program kecemerlangan pendidikan dan sekolah sebanyak 83 peratus dan seterusnya diikuti dengan program pembangunan wanita iaitu sebanyak 79 peratus. Manakala program pembangunan belia merupakan item yang paling rendah iaitu sebanyak 62 peratus.



Berdasarkan banci peneroka yang dibuat oleh FELDA, seramai 59,830 peneroka atau 58 peratus berusia melebihi 50 tahun. Peneroka yang berusia 40 tahun ke bawah adalah kurang daripada 6,500 orang atau sebanyak lima peratus sahaja. Tren ini jelas menunjukkan bahawa sebilangan besar peneroka telah lanjut usia dan kekurangan program pembangunan belia mengakibatkan golongan belia tidak berminat untuk mewarisi serta membangunkan Tanah Rancangan Felda pada masa hadapan. Justeru, tindakan proaktif perlu dijalankan agar memastikan golongan belia berminat untuk menabur bakti dan sekaligus meneruskan kelangsungan FELDA pada masa hadapan.

Perkaitan faktor struktural dalam kajian ini yang berkesinambungan dengan tahap kepuasan program pembangunan sosial adalah sejajar dengan pandangan Giddens (1984) yang merujuk kepada satu konsep ‘keduaan struktur’ iaitu struktur sosial yang menjadikan tindakan sosial yang munasabah, dan pada masa yang sama tindakan sosial menjadikannya sangat berstruktur dan teratur. Sebagaimana penekanan Nor Hayati (2010) juga bahawa semua tindakan sosial adalah melibatkan struktur dan semua struktur adalah membabitkan tindakan sosial. Oleh hal demikian, setiap program yang dirancang adalah melengkapkan pembangunan sosial kumpulan sasaran

## 7. PENUTUP

Tanah merupakan aset terpenting dalam pembangunan sesebuah negara. Kegagalan dalam mentadbir urus hal ehwal tanah boleh mengundang kepada risiko ketidakstabilan politik, ekonomi, sosial dan sekaligus berupaya untuk merencatkan kemajuan yang sebenarnya boleh memberi manfaat kepada rakyat jelata. Malaysia sebagai contoh, merupakan negara yang berjaya dalam menguruskan penggunaan tanah melalui penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Seawal rancangan pembangunan yang dilaksanakan bermula pada tahun 1957, FELDA kini telah berevolusi sebagai salah sebuah entiti badan berkanun yang berupaya untuk menjana pendapatan sendiri. Transformasi FELDA kini adalah untuk merealisasikan hasrat untuk menjadikan FELDA sebagai ‘Economic Powerhouse’ dalam menjana pelbagai aktiviti ekonomi khususnya melalui penyusunan program yang berstruktur serta mengembeleng potensi modal insan yang sedia wujud. Artikel ini adalah sub topik daripada kajian tentang Felda dengan memfokuskan bahagian Peranan Faktor Struktural yang ada di Felda. Perbincangan akan menjurus kepada dua dimensi iaitu 1) Tahap kepuasan terhadap kemudahan asas yang disediakan di Tanah Rancangan FELDA dan 2) Tahap kepuasan terhadap Pembangunan Sosial.

### Rujukan

- Bolin, K., Lindgren, B., Lindstrom, M & Nystedt, P. 2003. Investments in social capital: Implications of social interactions for the production of health. *Social Science and Medicine* 56: 2379–2390.
- Christoforou, A. 2005. On the determinants of social capital in Greece compared to countries of the European Union. *Working Paper* 68, Fondazione EniEnrico Mattei (FEEM).
- Cohen, S. & Prusak, L. 2001. *Good company: How social capital makes organization work*. London: Harvard Business Press.
- Coleman, J.S. 1988. Social capital in the creation of human capital. *American Journal of Sociology* 94:95-120.
- Coleman, J. S. 1990. *Foundations of social theory*. Cambridge: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Fidrmuc, J. & Gerxhani, K. 2004. Formation of social capital in Eastern Europe: Explaining gap developed countries. *Discussion paper* 5068, Centre for Economic Policy Research (CEPR).
- Fukuyama, F. 1999. Social capital and civil society. Kajian dibentangkan di *IMF Conference on Second Generation Reforms, IMF Institute and Foreign Affairs Department, IMF Headquarters, Washington, DC*. 8-9 November.
- Fukuyama, F. 2002. *Trust: Kebijakan sosial dan penciptaan kemakmuran*. Yogyakarta: Qalam.
- Giddens, A. 1998. The Constitution of Society: Outline of Theory Structuration. Berkeley: University of California Press.
- Glaeser, L.E., Laibson, D & Sacerdote, B. 2002. The economic approach to social capital. *The Economic Journal* 112:437-458.
- Hanifan, L. J. 1916. The Rural School Community Center. *Annals of the American Academy of Political and Social Science* 67: 130-138.
- Hairol Anuar. 2010. Pengajaran Malaysia: Kenegaraan dan Patriotisme. Bandar Seri Putra: KUIS.
- Haq, Mahbub ul. 1995. *Reflection on Human Development*. Oxford: Oxford University Press
- Kaasa, A. & Parts, E. 2008. Individual level determinants of social capital in Europe: Differences between country groups. *Acta Sociologica* 51(2): 145-168.
- Katungi, E., Machethe, C. & Smale, M. 2007. Determinants of social capital formation in rural Uganda: Implications for group-based agricultural extension approaches. *The African Journal of Agricultural and Resource Economics* 1(2):167 – 190.
- Knack, S. 2002. Social capital, growth and poverty: A survey of cross-country evidence. Dlm. *The role of social capital in development. An empirical assessment*, eds. Grootaert, C. & Van Bastelaer, T. Cambridge: Cambridge University Press.
- Knack, S. & Keefer, P. 1997. Does social capital have an economic payoff? A cross-country investigation. *Quarterly Journal of Economics* 112(4): 1251-1288.
- Li, Y., Savage, M & Pickles, A. 2003. Social capital and social trust in Britain. *European Sociological Review* 21(2):109– 123.

- Maluccio, A. J., Haddad, L. & May, J. 2003. Social capital and gender in South Africa, 1993-1998. Dlm. *Household decisions, gender and development: A synthesis of recent research*, ed. Quisumbing, A.R. 145-152. Washington DC: International Food Policy Research Institute.
- Noorasiah Sulaiman & Mohd Nasir Mohd Saukani. 2007. Modal sosial dalam mempertingkat daya saing firma perusahaan kecil dan sederhana. *International Journal of Management Studies* 14(2): 93-111.
- Nor Hayati Sa`at. 2010. Tesis PhD UUM ‘Keluar Dari Lingkaran Kemiskinan: Mobiliti Sosial di kalnng Komuniti Persisir Pantai, Kuala Terengganu’.
- Putnam, R. D. 1993. *The Prosperous Community-Social Capital and Public Life*. American Prospect (13): 35-42.
- Putnam, R. D. 2001. Social capital: Measurement and consequences. *Canadian Journal of Policy Research* 2:41-51.
- Robinson, D. 1999. Social capital in action. *IPS Policy Newsletter*, No 57/May. Institute of Policy Studies (IPS), Victoria University of Wellington.
- Roslan Abdul Hakim, Russayani Ismail & Nor Azam Abdul Razak. 2010. Does social capital reduce poverty? A case study of rural households in Terengganu, Malaysia. *European Journal of Social Sciences* 14(4): 556-566.
- Seligman, A. 1997. *The problem of trust*. Princeton: Princeton University Press.
- Siiainen, M. 2000. *Two concepts of social capital: Bourdieu vs Putnam*. University of Jyvaskyla.
- Uphoff, N. 1986. Improving International Irrigation Management wiIh Farmer Participation: Getting the Process Right. *Studies in Water Policy and Management* 11. Boulder and London: Westview Press.
- Whiteley, P. F. 2000. Economic growth and social capital. *Political Studies* 48(3): 443-466.